



SEORANG penduduk, Gayah Salleh (kanan) dan Mahani Md. Noor meredah banjir di hadapan rumah mereka di Kampung Titi Teras, Yan, Kedah, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Ekoran hujan lebat lebih lima lima jam di Kedah

700 mangsa banjir pindah

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
rafie.azimi@utusan.com.my

■ **JERAI 19 JULAI**

EKORAN hujan lebat berterusan selama lebih lima jam bermula kira-kira pukul 4 petang semalam, seramai 685 individu daripada 172 keluarga yang tinggal di beberapa kawasan di negeri ini terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara kerana banjir.

Menurut Pegawai Bencana Operasi Jabatan Pertahanan Awam negeri, Mejar Imran Azemi, data terbaharu yang dikeluarkan kira-kira pukul 4.45 petang ini bagaimanapun menunjukkan jumlah itu kian menurun dengan hanya 480 mangsa daripada 123 keluarga masih ditempatkan di 10 pusat pemindahan sementara yang masih aktif.

"Awalnya kami membuka 14 pusat pemindahan namun jumlahnya kini menurun kepada 10. Daerah Yan terutamanya kampung-kampung yang terletak berhampiran Gunung Jerai merupakan kawasan paling teruk terjejas dengan 236 individu dari 61 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan.

"Di daerah Kuala Muda iaitu di



Data terbaharu yang dikeluarkan kira-kira pukul 4.45 petang ini bagaimanapun menunjukkan jumlah itu kian menurun dengan hanya 480 mangsa daripada 123 keluarga masih ditempatkan di 10 pusat pemindahan sementara yang masih aktif."

IMRAN AZEMI
Pegawai Bencana Operasi Jabatan Pertahanan Awam negeri

mukim Kuala dan Gurun, sebanyak 140 mangsa dari 53 keluarga berada di tiga pusat pemindahan. Di Baling, cuma dua daripada empat pusat pemindahan masih aktif iaitu di Dewan Orang Ramai Machang Bubuk yang menempatkan 32 mangsa daripada tujuh keluarga dan di Kampung Banggol Enggok melibatkan 12 orang daripada dua keluarga," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pusat pemindahan Dewan Lembaga Kemajuan Wilayah Keda (KEDA) dan Surau Kampung Tepi Sungai dekat Kota Kuala Muda menempatkan paling ramai mangsa berjumlah 117 orang daripada 48 keluarga diikuti Surau Teroi Bukit di Guar Chempedak, Yan iaitu seramai 100 orang daripada 25 keluarga.

Empat pusat pemindahan yang sudah pun ditutup ialah Surau kampung Lubuk Boi di Yan, Surau Kampung Batu 5, Jalan Jeniang di Kuala Muda serta Surau Kampung Seputeh dan Surau Kampung Tawar di Baling.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kawasan mendapati masih ramai keluarga yang terkesan dengan banjir namun tidak keluar dari rumah masing-masing memandangkan paras air tidak terlalu tinggi dengan rata-ratanya sekadar di buku lali.

Bagaimanapun, hujan masih berterusan di beberapa kawasan sekali gus mengundang rasa bimbang penduduk seperti di Kampung Raga, Yan yang mana berlaku fenomena kepala air kira-kira pukul 5 petang semalam.

Keadaan itu menyebabkan tar jalan pecah dan hanyut selain jambatan yang menyeberangi sungai sedikit mendap sehingga penduduk

kampung tidak berani mengambil risiko untuk melaluinya.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Yan, Deputy Superintenden Muhamad Halim Yatim memberitahu, laporan pegawai dari Jabatan Meteorologi memaklumkan kejadian itu turut didorong oleh fenomena air pasang besar di laut yang menyebabkan air hujan hanya bertakung di sungai-sungai tanpa mengalir ke laut.

"Dari aspek keselamatan, saya sudah mengarahkan para pegawai dan anggota polis berpakaian preman untuk meronda di rumah-rumah kosong yang mana penghuninya ditempatkan di pusat pemindahan sementara bagi mengelakkan kecurian," katanya.

Dalam pada itu salah seorang penduduk di Kampung Teroi Bukit, Halimah Baharom, 44, memberitahu, rumahnya mula dimasuki air kira-kira pukul 6 petang dan mencecah ke paras lutut pada pukul 8 malam semalam.

"Dalam tempoh dua jam itu kami sempat menyelamatkan beberapa barang dengan menindannya di atas katil sebelum berpindah ke pusat penempatan sementara. Kami cuma mampu berdoa agar air tidak naik lebih tinggi agar barangan itu selamat," katanya.